

DRAF



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN

SEJARAH
TAHUN EMPAT

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN

SEJARAH TAHUN EMPAT

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

Cetakan Pertama

© Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya

KANDUNGAN**MUKA SURAT**

Rukun Negara	iii
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	iv
Kata Pengantar	1-2
Pendahuluan	3-4
Tunjang Kurikulum Standard Sekolah Rendah	5
Matlamat dan Objektif Mata Pelajaran Sejarah	6
Fokus Mata Pelajaran	7
Organisasi Kurikulum	7 - 17
Pengajaran dan pembelajaran Sejarah	18 - 25
Penilaian	25-26
Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi	30-50
Glosari	51-58



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- **KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
- **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
- **KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
- **KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
- **KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Rendah mata pelajaran Sejarah mendukung cita-cita murni bagi menyediakan kurikulum yang relevan dan terkini untuk melahirkan generasi cemerlang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah mata pelajaran Sejarah memberi penekanan kepada domain kognitif, efektif dan psikomotor, serta menerapkan nilai tambah alaf baru seperti kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran pelbagai kecerdasan, kajian masa depan dan pembelajaran sepanjang hayat. Kurikulum ini juga memberi penekanan kepada penerapan nilai murni, semangat patriotik, elemen kewarganegaraan dan nilai sivik. Semua elemen ini diharap dapat diaplikasikan oleh murid dalam kehidupan seharian. Kurikulum ini merupakan transformasi pendidikan yang memberi penekanan kepada kaedah pembelajaran yang berpusatkan murid.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah mata pelajaran Sejarah dihasilkan untuk membantu guru menjadi lebih proaktif, dinamik dan progresif serta memantapkan pemahaman terhadap matlamat, objektif dan kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah.

Selain itu, Kurikulum Standard Sekolah Rendah mata pelajaran Sejarah dapat membantu guru menyediakan serta melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara berkesan. Penghayatan semangat patriotik, elemen kewarganegaraan dan nilai sivik dapat direalisasikan berpandukan tajuk dalam standard kandungan serta standard pembelajaran.

Penghasilan Kurikulum Standard Sekolah Rendah mata pelajaran Sejarah melibatkan pelbagai pihak terutamanya, pensyarah universiti, pensyarah Institut Pendidikan Guru, pegawai Jabatan Pelajaran Negeri, pegawai Pejabat Pelajaran Daerah, guru, serta pegawai Kementerian Pelajaran Malaysia dan individu yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung.

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbangkan kepakaran, masa dan tenaga dalam memantapkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah mata pelajaran Sejarah.

()
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pelajaran Malaysia

PENDAHULUAN

Sejarah ialah mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 4 di Tahap II. Ini bertujuan menyemai kefahaman murid terhadap mata pelajaran Sejarah di peringkat awal agar murid memperoleh dan menguasai pengetahuan serta kemahiran Sejarah.

Kurikulum Sejarah menyepadukan pengetahuan, kemahiran, elemen kewarganegaraan dan nilai sivik dalam pelaksanaannya di dalam dan luar bilik darjah. Dalam KSSR, elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang diajar melalui mata pelajaran Sejarah adalah sebagai asas dalam melahirkan warganegara yang mempunyai identiti kebangsaan. Elemen tersebut dapat membentuk rakyat Malaysia yang mempunyai kesepaduan sosial dan integrasi nasional.

Justeru, pengetahuan dan pemahaman aspek sejarah negara dapat melahirkan murid yang berjiwa patriotik dengan memberi pendedahan menganalisis dan menilai fakta-fakta sejarah secara matang.

Kandungan mata pelajaran Sejarah peringkat sekolah rendah bertujuan mendidik murid untuk memahami latar belakang negara dan sejarahnya dengan melihat perubahan yang berlaku serta kesinambungan yang masih dikekalkan terutamanya dalam kehidupan masyarakat di Malaysia.

Kandungan mata pelajaran Sejarah disusun secara kronologi yang membincangkan pengenalan sejarah awal negara, kedaulatan negara dan kemakmuran negara. Pendekatan ini disusun mengikut tajuk supaya murid dapat menghargai sejarah tanah air dan kegemilangannya.

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah menjurus kepada pemupukan kemahiran berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif melalui aktiviti inkuiri dan penerokaan bagi mengukuhkan pemahaman tentang Sejarah. Aktiviti tersebut mengaplikasikan elemen didik hibur bagi menanam minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah.


Mata pelajaran Sejarah di peringkat sekolah rendah merupakan suatu kesinambungan ke peringkat sekolah menengah sebagai suatu disiplin ilmu yang dinamik. Ini bertujuan sebagai satu usaha untuk melengkapkan murid dengan perkembangan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengamalan nilai murni serta penerapan semangat jati diri sebagai warga negara Malaysia.

TUNJANG KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Kurikulum Standard Sekolah Rendah mata pelajaran Sejarah dibina berasaskan enam tunjang iaitu Komunikasi, Kerohanian, Sikap dan Nilai, Kemanusiaan, Literasi Sains dan Teknologi dan Keterampilan Diri.

Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.

Kesepaduan ini bertujuan untuk membangunkan modal insan yang seimbang dan harmonis, berpengetahuan dan berketerampilan seperti rajah di bawah:-



Standard Kurikulum Berasaskan Enam Tunjang

MATLAMAT

Kurikulum Standard Sejarah Sekolah Rendah membolehkan murid memahami tingkah laku manusia, sebab dan akibat, keunikan sejarah tanah air dan kegemilangan negara bagi melahirkan warganegara yang patriotik dan menjunjung amalan demokrasi di Malaysia.

OBJEKTIF

Kurikulum Standard Sejarah Sekolah Rendah membolehkan murid:

- i. memahami peristiwa masa lalu melalui sikap ingin tahu;
- ii. mengenal pasti pelbagai sumber dan maklumat sejarah;
- iii. memahami idea, konsep serta elemen sebab dan akibat dalam sejarah;
- iv. menyatakan kepentingan sejarah dalam kehidupan dengan mengambil iktibar daripada peristiwa


- v. sejarah sebagai usaha untuk mengukuhkan suasana keharmonian;
- v. menyatakan pelbagai bentuk persembahan dan hasil dapatan daripada interpretasi kajian sejarah.
- vi. menilai warisan negara dalam konteks kawasan setempat, negara dan global;
- vii. memahami proses pembinaan tamadun manusia yang mempengaruhi kehidupan masyarakat;
- viii. menjelaskan kehidupan dan kebudayaan masa lalu dan masa kini masyarakat di Malaysia;
- ix. memahami kedudukan kaum dalam konteks lokasi dan pembentukan kaum sebagai pengukuhan kepada persefahaman kaum;
- x. memahami cabaran negara dalam konteks mempertahankan kedaulatan negara bagi pembinaan jati diri;
- xi. mengenal pasti usaha dan sumbangan para pemimpin negara sebagai melahirkan perasaan bangga dan hormat;
- xii. menilai pencapaian dan kemajuan negara dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.

FOKUS MATA PELAJARAN SEJARAH

Fokus utama Kurikulum Standard Sejarah Sekolah Rendah ialah menyemai ilmu pengetahuan dan asas Kemahiran Pemikiran Sejarah di samping penerapan semangat patriotik melalui pengetahuan tentang masa lalu yang mempengaruhi masa kini. Melalui pembelajaran tersebut, murid dapat membina kerangka kronologi tentang pengetahuan sesuatu peristiwa penting dan tokoh-tokoh yang terlibat. Murid dapat membuat perbandingan tentang pengalaman manusia dan seterusnya berupaya memahami diri mereka secara individu serta sebagai ahli dalam sesebuah masyarakat. Pemahaman asas tentang sejarah negara dapat melahirkan perasaan cintakan negara dan melahirkan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia.

1. ORGANISASI KURIKULUM

Kurikulum Sejarah Sekolah Rendah mencakupi ilmu pengetahuan (kandungan), asas Kemahiran Pemikiran Sejarah (kemahiran), penerapan elemen kewarganegaraan dan nilai sivik bagi memupuk minat murid terhadap Sejarah.



Organisasi Kurikulum

Organisasi kurikulum merupakan kesepaduan tiga elemen utama iaitu:

1.1 Kandungan Kurikulum Sejarah

Kandungan kurikulum Sejarah sekolah rendah menggunakan pendekatan kronologi. Persembahan kandungan berfokuskan tentang sejarah negara yang disepadukan dengan elemen kewarganegaraan dan nilai sivik bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan murid tentang nilai jati diri dan semangat patriotik. Kandungan kurikulum Sejarah mencakupi beberapa tema seperti berikut:

TAHAP II	TEMA
Tahun 4	Sejarah Awal Negara
Tahun 5	Kedaulatan Negara
Tahun 6	Kemakmuran Negara Kita

Kandungan Kurikulum Sejarah

1.2 Elemen Kewarganegaraan Dan Nilai Sivik

Penerapan elemen kewarganegaraan dan nilai sivik melalui mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang bersatu padu, berbangga sebagai rakyat Malaysia, setia kepada negara, bersemangat kekitaan, berdisiplin, aktif dan bermaklumat dalam mengamalkan dan menghayati ciri-ciri warganegara yang cemerlang. Pelaksanaannya adalah secara menyeluruh dan bersepadu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

1.2.1 Dimensi Kewarganegaraan

Penerapan elemen kewarganegaraan dan nilai sivik menggunakan Dimensi Kewarganegaraan. Elemen ini merujuk kepada bangsa yang mendiami suatu lingkungan geografi yang memiliki etos sebagai penjalin hubungan antara etnik yang mendiaminya. Di Malaysia, rakyat terdiri daripada pelbagai etnik, budaya dan agama.

Matlamat utama penerapan elemen kewarganegaraan dan nilai sivik dalam kurikulum Sejarah untuk

membentuk warganegara yang berketerampilan dan bermaklumat seperti berikut:

Bil	Dimensi Kewarganegaraan	Ciri-ciri Warganegara	Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik
1.	Perkongsian Sejarah	<ul style="list-style-type: none"> ● Mengetahui dan memahami sejarah pembentukan negara. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Berbangga dengan sejarah asal usul negara. ◆ Menghargai kewujudan dan kegemilangan kerajaan Melayu tradisional. ◆ Mengambil iktibar kesan penjajahan kuasa luar ke atas negara. ◆ Menghayati peristiwa kemerdekaan negara. ◆ Memelihara warisan negara.
2.	Perkongsian Nilai	<ul style="list-style-type: none"> ● Mengamalkan sikap dan perlakuan yang berhemah. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Menyanjungi prinsip Rukun Negara. ◆ Menghormati kepelbagaian agama dan budaya. ◆ Berbangga dengan lambang dan simbol negara.
3.	Perasaan Kekitaan	<ul style="list-style-type: none"> ● Membentuk sikap sepunya dan kebersamaan. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Menghormati amalan kepelbagaian kaum, budaya, dan agama. ◆ Berbangga dengan hari kemerdekaan. ◆ Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. ◆ Berbangga dengan pencapaian negara.

Bil	Dimensi Kewarganegaraan	Ciri-ciri Warganegara	Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik
4.	Perkongsian Masa Depan	<ul style="list-style-type: none"> ● Membina keyakinan dan tanggungjawab mencorakkan negara pada masa depan. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Menghormati masyarakat pelbagai kaum. ◆ Memakmurkan ekonomi negara. ◆ Mengekalkan warisan negara
5.	Kesetiaan	<ul style="list-style-type: none"> ● Memupuk kepercayaan kepada Tuhan ● Memupuk perasaan taat dan setia pada negara. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Mematuhi perintah Tuhan ◆ Mentaati Raja dan Negara. ◆ Menghormati pemimpin negara. ◆ Mematuhi undang-undang dan peraturan negara.
6.	Tanggungjawab Warganegara	<ul style="list-style-type: none"> ● Mengetahui dan memahami tanggungjawab sebagai warganegara dengan sepenuh hati. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Mempertahankan identiti negara. ◆ Mempertahankan warisan negara. ◆ Menerima perbezaan kaum, budaya dan agama.
7.	Keterikatan Emosi Kepada Negara	<ul style="list-style-type: none"> ● Mempunyai perasaan cinta akan negara yang mendalam dan berusaha mempertahankannya. 	<ul style="list-style-type: none"> ◆ Menghargai sejarah asal usul negara. ◆ Menghargai warisan negara. ◆ Menghargai identiti negara. ◆ Menghayati prinsip Rukun Negara. ◆ Bersyukur dengan keharmonian kaum. ◆ Bersyukur dengan kemajuan ekonomi. ◆ Berbangga dengan pencapaian negara.

Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik

1.2.2 Panduan Pelaksanaan Penerapan Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik

Kaedah untuk melahirkan elemen kewarganegaraan dan nilai sivik kepada murid haruslah melalui aktiviti soal jawab, kajian kes, pemerhatian dan keadah-kaedah lain mengikut kreativiti guru dan tahap kebolehan murid semasa pengajaran dan pembelajaran.

Contoh:

2. Zaman Air Batu

K.2.1.4 Menyatakan keperluan menghargai alam sekitar.

Bentuk soalan:

1. Adakah kita perlu menjaga alam sekitar?
2. Mengapakah anda perlu menghargai keindahan alam sekitar?
3. Bagaimana anda dapat menyatakan rasa bangga terhadap keindahan alam sekitar?

1.3 Kemahiran Pembelajaran Sejarah

Mata pelajaran Sejarah mempunyai teras struktur disiplin yang sistematik bagi mengembangkan proses pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran ini merangkumi aspek berikut:

1.3.1 Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) merupakan proses kognitif yang membolehkan murid meneroka idea yang kompleks dan abstrak dengan bimbingan guru.

KPS juga membantu murid memahami bagaimana sejarawan menggabungkan peristiwa lalu dengan menggunakan bukti-bukti sejarah bagi menentukan signifikansi sesuatu peristiwa ke arah meningkatkan pemikiran kritis dan kreatif. Penguasaan kesemua elemen dalam kemahiran ini membolehkan murid

dapat melihat sesuatu peristiwa sejarah secara empati.

KPS sesuai diaplikasikan dalam hampir semua situasi pengajaran dan pembelajaran. Penerapan KPS dapat membantu guru menghidupkan suasana pembelajaran Sejarah yang sekaligus boleh meningkatkan minat murid. Ini membolehkan murid menjadi lebih kritis, kreatif dan inovatif.

Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah yang perlu dikuasai oleh murid di peringkat sekolah rendah adalah seperti berikut:

a) Elemen Asas Sejarah

- i. Tokoh
- ii. Tempat
- iii. Peristiwa
- iv. Tarikh / Masa

b) Konsep Masa

- i. Tempoh
- ii. Jarak masa
- iii. Tarikh spesifik

c) Susunan Masa

- i. Awalan, perkembangan dan akhiran
- ii. Mengukur dan mengira kalendar masa

d) Konversi Masa

- i. Membuat interpretasi garis masa
- ii. Menerangkan perubahan dan kesinambungan dalam urutan masa

e) Isu dan Masalah Masa Lalu

- i. Mengkaji sebab-musabab
- ii. Melihat perubahan dan kesinambungan
- iii. Melihat sebab dan akibat

f) *Perbandingan Masa Lalu*

- i. Mencari persamaan
- ii. Mencari perbezaan

g) *Imaginasi dan Empati*

- i. Imaginasi secara visual
- ii. Mengembangkan kreativiti
- iii. Imaginasi berdasarkan perasaan

h) *Mencari sumber*

- i. Kaedah Mencari sumber
- ii. Mengenal pasti sumber.
- iii. Menggunakan sumber

i) *Signifikan Bukti*

- i. Tarikh berlaku
- ii. Tokoh yang terlibat
- iii. Peristiwa yang berlaku
- iv. Lokasi/tempat peristiwa berlaku
- v. Bagaimana berlaku

1.3.2 Kemahiran Kreatif dan Inovatif

Sejarah di peringkat sekolah rendah merupakan satu mata pelajaran yang dapat merangsang pemikiran murid. Melalui pengajaran dan pembelajaran, murid dapat memahami secara kritis dan imaginatif tentang segala aspek kehidupan manusia silam dan kini secara empati.

Secara khusus, mata pelajaran Sejarah menekankan asas Kemahiran Pemikiran Sejarah yang dipupuk dan dikembangkan dalam kalangan murid bagi meningkatkan kemahiran kritis, kreatif dan inovatif.

Elemen KPS yang boleh dikaitkan dengan fasa kreatif ialah:

Kemahiran	Fasa Kreatif
Memahami Kronologi	Fasa Persediaan
Meneroka Bukti	Fasa Persediaan
Membuat Interpretasi	Fasa Imajinasi
Membuat Imajinasi	Fasa Imajinasi
Membuat Rasionalisasi	Fasa Perkembangan
Membuat Penjelasan	Fasa Perkembangan
Empati	Fasa Tindakan

Fasa Kemahiran Kreatif dan Inovatif

Kemahiran kreatif dan inovatif dibahagikan kepada **empat** fasa iaitu:

i. FASA PERSEDIAAN	
Pemerhatian	Membuat pemerhatian untuk mengumpul maklumat.
Analisis	Menganalisis maklumat daripada umum kepada khusus.
ii. FASA IMAGINASI	
Sintesis	Menggabungkan maklumat yang berasingan untuk memilih dan menghasilkan sesuatu idea.
Penjanaan Idea	Menghasilkan idea yang berkaitan dengan sesuatu perkara.
iii. FASA PERKEMBANGAN	
Penambahbaikan	Membuat penambahbaikan untuk mengembangkan atau mempelbagaikan sesuatu idea untuk meningkatkan kualiti karya atau ciptaan.
Menilai	Membuat penilaian tentang sesuatu perkara.
iv. FASA TINDAKAN	
Pelaksanaan	Menyampaikan idea.
Amalan Berterusan	Peka kepada perkara yang berlaku di sekeliling dan menjana idea kreatif.

1.3.3 Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Kemahiran inkuiri dapat mengembangkan kemahiran berfikir dan sikap ingin tahu dalam kalangan murid. Semasa melaksanakan inkuiri, murid akan lebih peka kepada keadaan masyarakat dan persekitarannya.


Kemahiran inkuiri merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid. Murid berperanan merancang dan menjalankan aktiviti pembelajaran. Mereka melibatkan diri secara aktif untuk mencari dan mengumpul maklumat melalui pelbagai aktiviti seperti memerhati, mendengar, menyoal, berbincang, membuat rujukan, uji kaji dan kaji siasat. Aktiviti ini boleh dijalankan secara berasingan atau digabungkan dalam pelbagai teknik pembelajaran seperti kerja projek, simulasi, lawatan, main peranan dan kuiz.

Kemahiran inkuiri digunakan dalam kajian kes kerana membolehkan murid memperoleh ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran melalui penaakulan. Kemampuan

mencari dan mengumpul maklumat melalui pelbagai aktiviti tersebut dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang lebih bermakna dan berkesan.

Menerusi kemahiran ini, guru juga boleh berperanan sebagai pembimbing untuk merangsang minat murid menjadi lebih yakin dalam menjalankan aktiviti pembelajaran.

Terdapat lima peringkat dalam kemahiran inkuiri seperti berikut:



Carta Aliran Pelaksanaan Kemahiran Inkuiri

1.3.4 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Kurikulum kebangsaan bermatlamat untuk melahirkan murid yang seimbang, berdaya tahan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, dan patriotik serta mempunyai kemahiran berfikir, berkomunikasi dan bekerja secara berpasukan. Kemahiran abad ke-21 ini selari dengan 6 aspirasi yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu setiap murid akan mempunyai kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti sosial, pengetahuan dan kemahiran berfikir.

Kemahiran berfikir telah ditekankan di dalam kurikulum sejak tahun 1994 dengan memperkenalkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBKK). Kemahiran berfikir ini menekan kepada pemikiran dari aras rendah sehingga aras tinggi. Bermula pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah memberi

penekanan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakuan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT adalah merujuk kepada kemahiran mengapikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Kemahiran ini ditulis secara eksplisit di dalam setiap kurikulum mata pelajaran.

KBAT boleh diaplikasikan di dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran, peta minda, dan *Thinking Hats* serta penyualan aras tinggi di dalam dan di luar bilik darjah untuk menggalakkan murid

berfikir. Murid diberi tanggungjawab di atas pembelajaran mereka.

KBAT	Penerangan
Mengapikasi	<ul style="list-style-type: none">• Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara
Menganalisis	<ul style="list-style-type: none">• Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan
Menilai	<ul style="list-style-type: none">• Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi
Mencipta	<ul style="list-style-type: none">• menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif

Jadual Penerangan KBAT

2. PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH

Keberkesanan dan kejayaan pengajaran dan pembelajaran Sejarah bergantung kepada kreativiti guru merancang, mengolah dan melaksanakan pendekatan, kaedah, teknik secara bersepadu dan sistematik. Guru hendaklah merancang pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid bagi menggalakkan penglibatan yang aktif agar dapat menimbulkan suasana pembelajaran yang menarik. Di samping itu, guru mesti memberi fokus kepada penerapan dan pengamalan berterusan tentang elemen kewarganegaraan dan nilai sivik. Guru hendaklah mengajar tentang kandungan sejarah dahulu berpandukan standard pembelajaran (contohnya: 1.1.1) dan seterusnya mengaitkan serta melaksanakan pengajaran dan pembelajaran elemen kewarganegaraan dan nilai sivik (cth:K1.1.7). Terdapat beberapa kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah seperti berikut:

2.1 Kajian Kes

Kajian kes ialah kaedah penyelesaian masalah dalam bentuk deskriptif atau penerangan. Kajian kes boleh dijalankan dalam kalangan murid bagi melaksanakan kurikulum mata pelajaran Sejarah. Salah satu pedagogi penting yang dapat dilaksanakan dalam menjalankan kajian kes ialah kemahiran inkuiri. Kajian kes dapat meningkatkan kebolehan murid untuk mengenal pasti permasalahan, merancang, mengolah isi dan memberi rumusan terhadap satu permasalahan. Pengalaman menjalankan kajian kes dapat menggalakkan penglibatan murid, di samping memupuk kemahiran penyelesaian masalah dan sikap ingin tahu.

Kajian kes boleh dijalankan berdasarkan pelbagai aspek atau isu mengikut langkah berikut:

- i) Kajian kes adalah berdasarkan cerita atau peristiwa bagi menjawab beberapa persoalan yang menggunakan kemahiran menaakul, di samping

memberikan pendapat dan membuat rumusan serta menggalakkan penglibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Kaedah ini dapat mengenal pasti inti pati cerita atau peristiwa yang hendak dikaji.

- ii) Memahami persoalan berdasarkan petikan cerita atau peristiwa yang terkandung dalam kurikulum Sejarah.
- iii) Mengumpul maklumat melalui pelbagai kaedah berkaitan cerita atau peristiwa tentang perkara yang hendak diselesaikan.
- iv) Mengkaji maklumat yang telah dikumpulkan dengan cara menganalisis, menaakul dan empati untuk menjelaskan masalah tersebut.
- v) Membuat rumusan dan menyatakan pengajaran yang diperoleh daripada maklumat yang telah dianalisis.

2.2 Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir boleh dibahagikan kepada kemahiran berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif. Kemahiran berfikir kritis ialah kebolehan untuk menilai sesuatu idea yang munasabah dan bersifat evaluatif. Kemahiran berfikir kreatif dan inovatif ialah kebolehan untuk mencerna dan menghasilkan idea asli dan bersifat generatif. Idea baru terhasil melalui ilham atau gabungan idea-idea yang ada. Kemahiran berfikir menaakul adalah sebagai perangsang dalam membantu murid membuat pertimbangan secara logik dan rasional. Strategi berfikir pula merupakan proses berfikir yang lebih tinggi peringkatnya dan mengandungi beberapa langkah yang melibatkan beberapa kemahiran berfikir kritis dan kreatif. Kesemua kemahiran yang digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah pada akhirnya menuju ke arah membina dan memahami konsep, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

2.3 Belajar Cara Belajar

Belajar cara belajar ialah suatu proses untuk memperoleh teknik belajar sama ada bersama guru atau tanpa guru. Pendekatan ini bertujuan untuk menyediakan murid yang berupaya belajar sendiri tanpa guru, menggunakan pengetahuan sedia ada, rakan-rakan dan bahan lain sebagai sumber pembelajaran. Pendekatan ini membolehkan murid membuat refleksi dan menilai tahap pembelajaran sendiri serta mampu mengapikasi pengetahuan dan kemahiran dalam situasi yang berlainan.

2.4 Pembelajaran Masteri

Pembelajaran masteri merujuk suatu pendekatan pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan murid menguasai hasil pembelajaran yang dihasratkan dalam suatu unit pembelajaran sebelum berpindah ke unit pembelajaran seterusnya. Kaedah ini digunakan kerana murid mempunyai kebolehan dan keperluan yang

berbeza dalam pembelajaran. Pendekatan ini memerlukan peruntukan masa yang mencukupi dan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti.

2.5 Pembelajaran Akses Kendiri

Pembelajaran Akses Kendiri (PAK) ialah suatu pendekatan yang membolehkan murid belajar secara sendiri melalui penggunaan bahan pembelajaran. Murid diberi peluang memilih aktiviti, menilai hasil kerja dan memantau kemajuan mereka sendiri agar mereka bertanggungjawab dan berdikari atas pembelajaran mereka. Dalam program PAK, bahan pembelajaran direka dan diuruskan supaya murid belajar mengikut minat, keperluan, tahap kemampuan dan gaya pembelajaran mereka. Murid juga boleh mengetahui maklum balas pencapaian mereka kerana program PAK menyediakan pentaksiran sendiri.

2.6 Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) ialah suatu program atau aktiviti luar bilik darjah yang terancang dan berstruktur. Aktiviti ini berpusatkan murid dan bertujuan menyokong dan mengukuhkan pelaksanaan kurikulum sekolah. Ia juga merangkumi persekitaran pembelajaran yang progresif. PLBD mengukuhkan kefahaman murid terhadap konsep yang dipelajari di dalam bilik darjah. PLBD boleh dilaksanakan di luar bilik darjah bagi memberikan pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar, bermakna dan menyeronokkan. Selain itu, PLBD boleh mengembangkan kemahiran sosial dan kerja berpasukan murid.

2.7 Pembelajaran Secara Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang menggabungkan isi kandungan dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan persekitaran. Kaedah ini menyediakan pembelajaran

secara konkrit yang melibatkan aktiviti *hands-on* dan *minds-on*.

2.8 Pembelajaran Secara Konstruktivisme

Konstruktivisme ialah suatu kaedah pembelajaran yang menggalakkan murid membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Dalam proses ini, murid akan menyesuaikan ilmu pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baru.

2.9 Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai

Teori Kecerdasan Pelbagai (TKP) merupakan suatu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan kecerdasan murid yang pelbagai. TKP terdiri daripada lapan jenis kecerdasan iaitu verbal-linguistik, logik-matematik, visual-ruang, kinestetik, muzik, interpersonal, intrapersonal dan naturalis. Melalui

pendekatan ini, guru dapat mengenal pasti persamaan dan perbezaan keupayaan individu murid yang unik. Mereka belajar dan dinilai dengan cara yang berlainan bagi meningkatkan kecerdasan dan potensi yang tidak terbatas. Ini dapat membantu murid menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kehidupan sebenar dan boleh menjana masalah baru untuk diselesaikan serta kebolehan membuat sesuatu.

2.10 Pembelajaran Berasaskan Kajian Masa Depan

Pembelajaran berasaskan Kajian Masa Depan (KMD) ialah suatu strategi pengajaran secara saintifik untuk memikirkan tentang masa depan secara berkaedah dan bermakna. Dalam mengkaji masa depan, murid perlu tahu perkara yang telah berlaku (sejarah) dan perkara yang sedang berlaku (trend dan perubahan terkini). Maklumat ini perlu bagi membantu murid membuat pertimbangan terhadap kemungkinan yang akan berlaku pada masa depan, sebelum membuat keputusan. KMD bertujuan untuk mendidik murid supaya bersedia

menghadapi cabaran dan perubahan, di samping menyedari bahawa masa depan akan pasti berubah.

2.11 Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pembelajaran bermaksud menggunakan TMK secara berfikir, terancang dan bersesuaian dengan keperluan pembelajaran bagi meningkatkan kefahaman dan penguasaan murid terhadap pelajaran. Penggunaan TMK juga memberi peluang pembelajaran yang sama kepada semua murid yang pelbagai keupayaan bagi meningkatkan motivasi diri, di samping membolehkan murid mengamalkan pembelajaran sendiri. Penggunaan TMK boleh dilaksanakan secara tutorial, penerokaan, aplikasi dan komunikasi.

Terdapat juga teknik pengajaran dan pembelajaran yang menekankan aspek berfikir dan membuat keputusan seperti:

2.12 Aplikasi Teknik *Theory of Constraints*

Teknik *Theory of Constraints* (TOC) ialah cara pengajaran dan pembelajaran berasaskan pemikiran yang logik dan sistematik. Proses ini menggunakan teknik pemikiran kritis dan kreatif yang mudah dan konkrit. Teknik ini membolehkan murid menggunakan alat dan teknik berfikir dalam pembelajaran mereka. Aplikasi teknik ini mampu untuk melibatkan murid secara pembelajaran kolaboratif iaitu bersesuaian dengan konsep pembelajaran berpusatkan murid. Ini menyediakan mereka dengan kemahiran bagi mencapai matlamat, menyelesaikan masalah dengan berkesan, membuat keputusan, berkomunikasi dan dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Terdapat tiga teknik yang boleh diaplikasikan iaitu:

2.12.1 Teknik Awan

Teknik awan ialah teknik membuat keputusan yang memikirkan sesuatu kejadian, situasi, idea dan penyelesaian konflik yang bertentangan kehendak. Konflik yang hendak diselesaikan berbentuk konflik dalaman yang melibatkan satu pihak sahaja atau konflik luaran yang melibatkan dua pihak dan hanya satu kehendak sahaja yang boleh dicapai iaitu berakhir dengan keputusan menang-menang (*win win*).

2.12.2 Teknik Sebab dan Akibat

Teknik yang menerangkan bagaimana sesuatu tingkah laku, idea, atau kejadian yang boleh mengakibatkan kesan-kesan berikutnya. Menerusi teknik ini, murid boleh menerangkan urutan perkara-perkara penting dengan cara logik atau menaakul. Murid mampu

mengenal pasti hubungan sebab dan akibat dengan cara yang berfokus.

2.12.3 Teknik Penyelesaian Masalah

Teknik penyelesaian masalah ialah teknik yang boleh digunakan bagi merancang langkah-langkah dengan sistematik secara kolaboratif untuk menghadapi dan mengatasi cabaran ke arah pencapaian matlamat yang telah ditetapkan. Langkah-langkah yang dikemukakan ialah langkah-langkah yang logik. Matlamat atau objektif yang hendak dicapai tidak akan diperolehi jika cabaran-cabaran yang menghalang pencapaian matlamat tidak diatasi terlebih dahulu.

2.13 Teknik Belajar Sambil Bermain

Belajar sambil bermain ialah satu pendekatan yang terancang dan berstruktur bagi memberi peluang kepada murid belajar dalam suasana yang bebas dan selamat, menggembirakan dan bermakna. Teknik ini memerlukan perancangan rapi supaya pembelajaran mempunyai unsur seperti:

- bermain secara terancang;
- bermain secara berstruktur;
- bermain secara fleksibel;
- memenuhi keperluan kognitif, psikomotor dan afektif.

2.14 *Experiential Activities Planner*

Experiential Activities Planner (EAP) merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan beberapa pedagogi seperti

kemahiran berfikir, kajian masa depan, dan teori kecerdasan pelbagai dalam satu pengajaran.

EAP merangkumi lima aspek pembelajaran iaitu belajar dalam suasana yang riang dan harmonis, kemahiran berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif, pembelajaran koperatif, penglibatan komuniti, proses pembelajaran individu dan kecerdasan pelbagai.

2.15 *i-Think*

Program *i-Think* merupakan satu program yang bertujuan mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid berinovatif. Dalam kaedah ini, alat berfikir yang digunakan ialah *Thinking Maps* mengikut kesesuaian tajuk .

3. PENILAIAN

Penilaian yang dirancang, dibina, ditadbir, diperiksa, direkod dan dilapor oleh guru di sekolah yang melibatkan murid, ibu bapa dan organisasi luar. Penilaian yang dijalankan di peringkat sekolah dilaksana dalam bentuk pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Pentaksiran sumatif pula dilaksana di akhir unit pembelajaran, semester atau tahun. Pentaksiran dilakukan secara berterusan semasa proses pengajaran dan pembelajaran melalui pelbagai cara. Antaranya ialah pemerhatian, kerja kursus, kajian kes, membina buku skrap dan folio, membuat demonstrasi, simulasi, kuiz dan ujian bertulis.

3.1 Pentaksiran Berasaskan Sekolah

Proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan dalam dokumen kurikulum. Pentaksiran berasaskan sekolah juga boleh dilaksanakan sepertimana yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.

STANDARD KANDUNGAN, STANDARD PEMBELAJARAN DAN STANDARD PRESTASI

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
<p>Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.</p>	<p>Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.</p>	<p>Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid <i>(indicator of success)</i></p>

TAFSIRAN UMUM

BAND	TAFSIRAN
1	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas.
2	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
3	Murid boleh menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekak dan bersikap positif.
6	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baru secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif serta boleh dicontohi.

TAFSIRAN MATA PELAJARAN SEJARAH

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengetahui perkara asas berdasarkan ilmu sejarah dan nilai yang dipelajari.
2	Memahami perkara asas berdasarkan ilmu sejarah dan nilai yang dipelajari.
3	Menerangkan perkara asas berdasarkan ilmu sejarah dan nilai yang dipelajari.
4	Menguasai pengetahuan dan kemahiran secara tersusun berdasarkan ilmu sejarah dan nilai yang dipelajari.
5	Membuat penilaian berdasarkan ilmu sejarah dan nilai yang dipelajari.
6	Melahirkan idea berdasarkan ilmu sejarah dan nilai yang dipelajari.


SEJARAH AWAL NEGARA

TAJUK 1: MARI BELAJAR SEJARAH

Tajuk ini ialah pengenalan kepada ilmu sejarah yang berteraskan kepada kajian kemanusiaan yang mencakupi konsep, istilah dan kepentingan ilmu Sejarah. Pemahaman sejarah turut didedahkan melalui pengkajian tentang sejarah diri dan keluarga, sejarah sekolah dan sejarah setempat. Melalui proses ini, murid dapat memahami kemahiran sejarah dan mengaplikasikan kemahiran serta nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

CARTA ALIRAN

MARI BELAJAR SEJARAH



TAJUK 1: MARI BELAJAR SEJARAH

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Tahap Penguasaan	
1.1 Pengertian sejarah dan kemahiran sejarah.	1.1.1 Menyatakan pengertian sejarah dan sumber sejarah.	1	Murid mengetahui tentang pengertian dan kemahiran sejarah.
	1.1.2 Mengenal pasti konsep masa silam dan ruang berdasarkan garis masa dan kronologi.	2	Murid memahami pengertian dan kemahiran sejarah.
	1.1.3 Mengenal pasti peristiwa sejarah mengikut garis masa.	3	Murid boleh menerangkan tentang pengertian dan kemahiran sejarah dengan memberikan contoh.
	1.1.4 Menyatakan tinggalan sejarah yang terdapat di muzium dan tempat bersejarah.	4	Murid boleh menguasai pengertian dan kemahiran sejarah serta disesuaikan dengan pelbagai situasi.
	1.1.5 Menjelaskan sebab dan akibat dalam peristiwa sejarah.	5	Murid boleh membuat penilaian tentang pengertian dan kemahiran sejarah dalam kehidupan seharian.
	1.1.6 Menyatakan kepentingan sejarah dalam kehidupan.	6	Murid boleh menjadi pemudah cara kepada rakan menerangkan tentang kemahiran pemikiran sejarah.
	K.1.1.7 Menyatakan kepentingan pengurusan masa dalam kehidupan harian.		
	K.1.1.8 Menyatakan kehidupan masyarakat masa lalu dan kesinambungannya dengan masa kini.		
	K.1.1.9 Menjelaskan kepentingan menghargai warisan bangsa bagi melahirkan jati diri.		

TAJUK 1: MARI BELAJAR SEJARAH

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Tahap Penguasaan	
1.2 Pengertian diri dan keluarga.	1.2.1 Menyatakan biodata diri. 1.2.2 Mengenal pasti salasilah keluarga.	1	Murid mengetahui tentang pengertian diri dan keluarga.
	1.2.3 Menyatakan pengertian keluarga asas. 1.2.4 Mengenal pasti gelaran anggota keluarga.	2	Murid memahami tentang pengertian diri dan keluarga.
	1.2.5 Menjelaskan perkembangan diri dan keluarga mengikut garis masa.	3	Murid boleh menerangkan tentang pengertian diri dan keluarga dengan memberikan contoh.
	1.2.6 Menyatakan peristiwa bersejarah dalam keluarga. K1.2.7 Menyatakan adab yang perlu diamalkan dalam sesebuah keluarga.	4	Murid boleh menguasai pengertian diri dan keluarga dalam pelbagai situasi.
	K1.2.8 Menyatakan kepentingan penggunaan gelaran dalam institusi keluarga. K1.2.9 Menyatakan keistimewaan mewujudkan keluarga asas.	5	Murid boleh membuat penilaian tentang pengertian diri dan keluarga serta menghubungkait dengan peranan setiap ahli keluarga bagi mewujudkan keluarga bahagia.
		6	Murid berupaya menjadi pemudah cara untuk menerangkan kepada rakan konsep keluarga bahagia.

TAJUK 1: MARI BELAJAR SEJARAH

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Tahap Penguasaan	
1.3 Sejarah sekolah	1.3.1 Menyatakan nama dan alamat sekolah dengan lengkap.	1	Murid mengetahui tentang sejarah sekolah.
	1.3.2 Mengenal pasti lokasi sekolah.	2	Murid memahami tentang sejarah sekolah.
	1.3.3 Menceritakan sejarah penubuhan sekolah.		
	1.3.4 Menyatakan cogan kata, visi dan misi sekolah.	3	Murid boleh menerangkan tentang sejarah sekolah dengan memberikan contoh.
	1.3.5 Menyatakan maksud warna dan simbol pada lencana dan bendera sekolah.		
	1.3.6 Menyatakan struktur organisasi pentadbiran sekolah.	4	Murid boleh menguasai maklumat tentang sejarah sekolah dalam pelbagai situasi.
K1.3.7 Menjelaskan tanggungjawab diri sebagai warga sekolah.	5	Murid boleh membuat penilaian tentang maklumat sejarah sekolah dan menghubungkait dengan peranan setiap warga sekolah bagi membangunkan kecemerlangan sekolah.	
K1.3.8 Mengenal pasti usaha-usaha untuk mengekalkan kebersihan dan keindahan sekolah.			
K1.3.9 Menyatakan sekolah sebagai sesebuah institusi pendidikan yang perlu dibanggakan.			
		6	Murid boleh mengemukakan idea yang rasional tentang sekolah sebagai institusi pendidikan yang perlu dibanggakan.

TAJUK 1: MARI BELAJAR SEJARAH

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Tahap Penguasaan	
1.4 Kawasan tempat tinggal murid	1.4.1 Menyatakan alamat tempat tinggal dengan lengkap.	1	Murid mengetahui tentang sejarah kawasan tempat tinggal.
	1.4.2 Menyatakan lokasi tempat tinggal.	2	Murid memahami tentang sejarah kawasan tempat tinggal.
	1.4.3 Menyatakan sejarah tempat tinggal.		
	1.4.4 Menyatakan bentuk muka bumi kawasan tempat tinggal.	3	Murid boleh menerangkan tentang sejarah kawasan tempat tinggal dengan memberikan contoh.
	1.4.5 Menyatakan keistimewaan kawasan setempat.	4	Murid boleh menguasai maklumat tentang sejarah kawasan tempat tinggal dalam pelbagai situasi.
	1.4.6 Menjelaskan tokoh kebanggaan setempat.		
K1.4.7 Menyatakan tanggungjawab menjaga kemudahan awam di kawasan setempat.	5	Murid membuat penilaian tentang peranan masyarakat setempat bagi memakmurkan kawasan tempat tinggal mereka.	
K1.4.8 Menyatakan kepentingan mengindahkan persekitaran tempat tinggal.			
K1.4.9 Menyatakan sejarah tempat tinggal sebagai perkara yang perlu dihargai.			6


SEJARAH AWAL NEGARA

TAJUK 2: ZAMAN AIR BATU

Tajuk ini menjelaskan tentang Zaman Air Batu akhir iaitu zaman Plestosen dan zaman Holosen. Tajuk ini juga menerangkan hubungan antara ilmu geografi dengan sejarah bagi memupuk semangat jati diri, sayang akan negara dan menghargai alam sekitar.

CARTA ALIRAN

ZAMAN AIR BATU



TAJUK 1: MARI BELAJAR SEJARAH

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Tahap Penguasaan	
2.1 Zaman Air Batu	2.1.1 Menyatakan maksud Zaman Air Batu.	1	Murid mengetahui tentang Zaman Air Batu.
	2.1.2 Menyatakan perubahan yang berlaku pada Zaman Air Batu.	2	Murid memahami tentang Zaman Air Batu.
	2.1.3 Menamakan benua dan lautan di dunia selepas pencairan air batu.	3	Murid boleh menerangkan tentang Zaman Air Batu dengan memberikan contoh.
	K2.1.4 Menyatakan keperluan menghargai alam sekitar.	4	Murid boleh menguasai pengetahuan tentang Zaman Air Batu dalam menghargai kehidupan masa kini.
	K2.1.5 Menyatakan sikap yang perlu diamalkan dalam menjaga alam sekitar.	5	Murid boleh membuat penilaian tentang perubahan yang berlaku pada Zaman Air Batu dan dihubungkan dengan perubahan alam sekitar.
	K2.1.6 Menyatakan kepentingan menghargai masa yang mempengaruhi kehidupan harian.	6	Murid boleh menzahirkan idea yang rasional bagi merancang masa depan negara.


SEJARAH AWAL NEGARA

TAJUK 3: ZAMAN PRASEJARAH

Tajuk ini menjelaskan tentang kehidupan masyarakat sebelum kewujudan sistem tulisan. Perbincangan memfokuskan cara masyarakat zaman prasejarah menyesuaikan diri dengan alam sekitar untuk kelangsungan hidup. Di samping itu, tajuk ini juga memperlihatkan kesungguhan mereka menghadapi cabaran alam. Sikap berani, kreatif dan inovatif dalam menghadapi cabaran alam ini wajar dicontohi murid-murid. Tajuk ini juga menghubungkan kait disiplin ilmu sejarah dengan geografi.

CARTA ALIRAN

ZAMAN PRASEJARAH



TAJUK 3: ZAMAN PRASEJARAH

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Tahap Penguasaan	
3.1 Kehidupan manusia prasejarah	3.1.1 Menyatakan maksud prasejarah.	1	Murid tahu tentang kehidupan manusia prasejarah.
	3.1.2 Menyatakan lokasi prasejarah.	2	Murid memahami tentang kehidupan manusia prasejarah.
	3.1.3 Menyatakan kegiatan masyarakat prasejarah.	3	Murid boleh menerangkan tentang kehidupan manusia prasejarah dengan memberikan contoh.
	3.1.4 Mengenal pasti alatan dan kegunaannya dalam masyarakat prasejarah.	4	Murid boleh menguasai maklumat tentang kehidupan manusia prasejarah dan menghubungkaitkan dengan kehidupan masa kini.
	3.1.5 Menyatakan kepercayaan manusia prasejarah.	5	Murid boleh membuat penilaian tentang kehidupan manusia prasejarah dengan kehidupan masa kini.
	K3.1.6 Menyatakan kepentingan menghargai tinggalan sejarah.	6	Murid boleh menzahirkan idea yang rasional untuk menyelesaikan masalah dan cabaran pada masa depan.
	K3.1.7 Menyatakan persediaan untuk menghadapi perubahan persekitaran.		
	K3.1.8 Menyatakan sikap manusia prasejarah yang perlu dicontohi.		

SEJARAH AWAL NEGARA

TAJUK 4: KERAJAAN MELAYU AWAL

Tajuk ini membincangkan Kerajaan-kerajaan Melayu awal sebelum Kesultanan Melayu Melaka. Melalui pembelajaran ini murid dapat mengenali keistimewaan dan keunikan Kerajaan-kerajaan Melayu yang dikaitkan dengan kemashyuran jalan laut dan perdagangan.

CARTA ALIRAN

KERAJAAN MELAYU AWAL

Pengenalan
Kerajaan Melayu Awal



- Fokus**
Kerajaan Melayu Awal
- Kerajaan-kerajaan Melayu
 - Lokasi
 - Kegiatan ekonomi



- Empati**
- Mengagumi kegiatan kerajaan - kerajaan Melayu awal
 - Menghayati kegemilangan Kerajaan Melayu awal
 - Mengagumi kemahiran masyarakat kerajaan Melayu awal

TAJUK 3: KERAJAAN-KERAJAAN MELAYU AWAL

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Tahap Penguasaan	
4.1 Kedudukan kerajaan-kerajaan Melayu Awal	4.1.1 Menamakan kerajaan-kerajaan Melayu awal.	1	Murid tahu tentang kedudukan kerajaan-kerajaan Melayu awal.
	4.1.2 Mengenal pasti lokasi kerajaan-kerajaan Melayu pada peta Malaysia.	2	Murid memahami tentang kedudukan kerajaan-kerajaan Melayu awal.
	4.1.3 Menamakan laut, selat, teluk dan pulau pada peta di sekitar Kerajaan Melayu awal.	3	Murid boleh menerangkan tentang kedudukan kerajaan-kerajaan Melayu awal dengan contoh.
	4.1.4 Menyatakan aktiviti berasaskan laut dalam kerajaan-kerajaan Melayu.	4	Murid boleh menguasai maklumat tentang kerajaan-kerajaan Melayu awal dalam menghargai warisan .
	K4.1.5 Menyatakan keistimewaan kerajaan-kerajaan Melayu awal.	5	Murid boleh membuat penilaian maklumat tentang kerajaan-kerajaan Melayu awal dan dihubungkan dengan kehidupan masa kini.
	K4.1.6 Menyatakan keperluan menjaga kebersihan pesisiran pantai. K4.1.7 Menyatakan kepentingan menghargai kemakmuran negara.	6	Murid boleh menzahirkan idea yang rasional tentang kepentingan menghargai kemakmuran negara.

SEJARAH AWAL NEGARA

TAJUK 5: TOKOH-TOKOH TERBILANG KESULTANAN MELAYU MELAKA

Kesultanan Melayu Melaka adalah kerajaan yang telah melahirkan beberapa orang tokoh terbilang. Di antara tokoh-tokoh ini terdiri daripada Parameswara, Bendahara Tun Perak dan Laksamana Hang Tuah yang telah memainkan peranan penting dalam membina keagungan Kesultanan Melayu Melaka. Peranan mereka yang boleh dirujuk dalam **Sejarah Melayu** dan **Hikayat Hang Tuah** boleh menjadi iktibar dan contoh kepada murid-murid dalam membina sahsiah, jati diri dan kepimpinan mereka pada masa depan. Nilai-nilai murni masyarakat masa lalu dapat juga dijadikan panduan oleh murid-murid untuk melahirkan sebuah masyarakat yang beretika mulia.

CARTA ALIRAN

TOKOH-TOKOH TERBILANG KESULTANAN MELAYU MELAKA

Pengenalan

Tokoh-tokoh terbilang
Kesultanan Melayu
Melaka



Fokus

- Tokoh Terbilang
- Parameswara
- Bendahara Tun Perak
- Laksamana Hang Tuah



Empati

- Memupuk rasa bangga dan setia kepada institusi pemerintahan
- Menghargai peranan tokoh-tokoh terbilang dalam memberi iktibar
- Menghargai nilai-nilai masyarakat terdahulu untuk dicontohi oleh murid

TAJUK 5: TOKOH TERBILANG KESULTANAN MELAYU MELAKA

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Tahap Penguasaan	
5.1 Tokoh-tokoh terbilang Kesultanan Melayu Melaka	5.1.1 Menyatakan maksud tokoh terbilang.	1	Murid mengetahui tentang tokoh-tokoh terbilang Kesultanan Melayu Melaka.
	5.1.2 Menjelaskan kedudukan tokoh-tokoh terbilang dalam masyarakat Melayu lama.		2
	5.1.3 Menyatakan peranan jawatan tokoh terbilang dalam membangunkan Kesultanan Melayu Melaka.	3	
	K5.1.4 Menyatakan keistimewaan tokoh-tokoh terbilang Kesultanan Melayu Melaka dalam pembentukan sahsiah individu.		4
	K5.1.5 Menjelaskan tentang nilai-nilai murni masyarakat dahulu yang dapat dicontohi.	5	
	K5.1.6 Menyatakan kepentingan menghargai tokoh-tokoh terbilang Kesultanan Melayu Melaka dalam masyarakat.		6

TAJUK 5: TOKOH TERBILANG KESULTANAN MELAYU MELAKA

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Tahap Penguasaan	
5.2 Parameswara sebagai pengasas Kesultanan Melayu Melaka	5.2.1 Menyatakan latar belakang Parameswara sebagai pengasas Melaka.	1	Murid mengetahui tentang Parameswara sebagai pengasas Kesultanan Melayu Melaka.
	5.2.2 Menjelaskan rentetan peristiwa perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka.		2
	5.2.3 Menyatakan peristiwa pembukaan Melaka.	3	Murid boleh menerangkan tentang Parameswara sebagai pengasas Kesultanan Melayu Melaka dengan contoh.
	5.2.4 Menyatakan asal usul nama Melaka berdasarkan pelbagai sumber.		
	K5.1.5 Menyatakan sifat-sifat kepimpinan tokoh yang boleh dicontohi.	4	Murid boleh menguasai maklumat tentang Parameswara sebagai pengasas Kesultanan Melayu Melaka untuk diteladani.
	K5.2.6 Menyatakan kepentingan menghargai sumbangan seseorang pemimpin yang dihormati dalam masyarakat.	5	Murid boleh membuat penilaian tentang Parameswara sebagai pengasas Kesultanan Melayu Melaka dan dihubungkaitkan dengan kehidupan masa kini.
K5.2.7 Menjelaskan kewujudan Kesultanan Melayu Melaka sebagai warisan yang dibanggakan.	6		

TAJUK 5: TOKOH TERBILANG KESULTANAN MELAYU MELAKA

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Tahap Penguasaan	
5.3 Tun Perak sebagai Bendahara Melaka	5.3.1 Menyatakan riwayat hidup Tun Perak.	1	Murid mengetahui tentang peranan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka.
	5.3.2 Menyenaikan Sultan Melaka semasa Tun Perak menjadi Bendahara.		2
	5.3.3 Menyatakan kebijaksanaan Tun Perak dalam menangkis serangan Siam di Melaka.	3	
	5.3.4 Menyatakan peranan Tun Perak dalam membina kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.		4
	K5.3.5 Menyatakan sifat-sifat kepimpinan tokoh yang boleh dijadikan contoh.	5	
	K5.3.6 Menghubungkan kebijaksanaan tokoh dalam membentuk sahsiah individu.		6
	K5.3.7 Menyatakan kepentingan nilai ketaatan dan kesetiaan kepada pemimpin.		

TAJUK 5: TOKOH TERBILANG KESULTANAN MELAYU MELAKA

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Tahap Penguasaan	
5.4 Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka	5.4.1 Menyatakan riwayat hidup Hang Tuah.	1	Murid mengetahui tentang Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka.
	5.4.2 Menyatakan peranan Hang Tuah sebagai laksamana.	2	Murid memahami tentang Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka.
	5.4.3 Menjelaskan peristiwa pertarungan antara Hang Tuah dengan Hang Jebat dalam Hikayat Hang Tuah.	3	Murid boleh menerangkan tentang peranan Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka dengan contoh.
	K5.4.4 Menyeneraikan sifat-sifat kesetiaan tokoh kepada intitusi beraja.	4	Murid boleh menguasai maklumat Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka untuk diteladani.
	K5.4.5 Menyatakan kebijaksanaan tokoh dalam menyelesaikan sesuatu masalah.	5	Murid boleh membuat penilaian tentang Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka dan dihubungkan dengan kehidupan masa kini.
	K5.4.6 Menyatakan tanggungjawab rakyat dalam mempertahankan kedaulatan negara.	6	Murid boleh menzahirkan idea yang rasional tentang menghargai sumbangan tokoh dalam memelihara kedaulatan negara.

APPENDIKS

GLOSARI

BIL.	ISTILAH	MAKSUD / MAKNA
1.	Abad	Jangka masa seratus tahun.
2.	Akibat	Kesan buruk daripada sesuatu peristiwa (perbuatan dll).
3.	Alat Perpaduan	Suatu mekanisme yang diperlukan atau digunakan untuk menghasilkan perpaduan antara kaum.
4.	Amalan	Sesuatu yang dilakukan (dilaksanakan, dikerjakan, dsb) sebagai suatu kebiasaan.
5.	Angkatan	Pasukan tentera (dengan alat kelengkapan), bala tentera.
6.	Bahasa Jiwa Bangsa	Ketrampilan sesuatu bangsa digambarkan melalui bahasa yang dituturkan oleh masyarakatnya.
7.	Bahasa Kebangsaan	Bahasa yang digunakan oleh majoriti penduduk dalam sesebuah negara seperti Bahasa Melayu yang termaktub dalam perlembagaan.
8.	Bahasa Melayu	Bahasa kebangsaan yang dipertuturkan di rantau Asia Tenggara (lingua franca).
9.	Bandar Diraja	Bandar tempat raja bersemayam dan pernah menjadi pusat pentadbiran tradisional yang dipimpin Sultan seperti Pekan, Seri Menanti, Kuala Kangsar.
10.	Bangga	Megah, berbesar hati.
11.	Bentuk Muka Bumi	Pandangan fizikal rupa bumi.
12.	Berketrampilan	Kecekapan, kemampuan yang tinggi.
13.	Berwawasan	Mempunyai pandangan jauh.

BIL.	ISTILAH	MAKSUD / MAKNA
14.	Biodata Diri	Maklumat ringkas tentang diri seseorang.
15.	Budaya Melayu	Cara dan gaya hidup yang diamalkan oleh masyarakat Melayu.
16.	Cara Hidup	Suatu gaya hidup.
17.	Cogan Kata	Ungkapan ringkas (tagline) yang mengandungi unsur ideologi dan pegangan sesuatu organisasi, moto.
18.	Dekad	Jangka masa sepuluh tahun, dasawarsa.
19.	Dipaparkan	Dipamerkan didedahkan, dibentangkan.
20.	Etos	Sifat ciri sesuatu bangsa, budaya, era dan lain-lain.
21.	Gambaran	Mengisahkan (keterangan, bayangan, dsb) tentang sesuatu keadaan dan sebagainya.
22.	Garis Masa	Garisan yang menunjukkan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada sesuatu masa tertentu.
23.	Generasi	Kumpulan individu yang lahir pada waktu yang lebih kurang sama atau seangkatan.
24.	Hari Keputeraan	Hari ulang tahun atau kelahiran golongan diraja.
25.	Hubungan	Jalinan antara manusia atau negara.
26.	Ibu Negeri/Kota	Pusat pentadbiran negeri.
27.	Ikrar	Lafaz janji, pengakuan.
28.	Iktibar	Pengajaran, contoh, teladan.
29.	Istana Negara	Tempat bersemayam rasmi Yang di-Pertuan Agong dan kerabat diraja.
30.	Jata Negara	Lambang negara Malaysia.
31.	Kandungan Lirik	Intisari yang terkandung dalam lagu.

BIL.	ISTILAH	MAKSUD / MAKNA
32.	Keberanian	Gagah (bukan pengecut), perkasa.
33.	Kebudayaan	Keseluruhan cara hidup.
34.	Kedaulatan	Kekuasaan yang tertinggi, negara yang mempunyai pengesahan antarabangsa.
35.	Kedudukan	Lokasi, tempat.
36.	Keluarga Asas	Rumahtangga yang terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak.
37.	Kemanusiaan	Sifat-sifat dan nilai-nilai universal manusia.
38.	Kepahlawanan	Sifat keberanian dan keperwiraan.
39.	Kepercayaan	Keyakinan atau akuan akan benarnya sesuatu, iman.
40.	Kepimpinan	Keupayaan dan kebolehan memimpin.
41.	Kesetiaan	Kepatuhan, ketaatan.
42.	Kesinambungan	Lanjutan daripada sesuatu yang sebelumnya.
43.	Kesultanan Melayu Melaka	Kerajaan yang diasaskan oleh Parameswara pada tahun 1400 – 1511.
44.	Ketua Negara	Jawatan tertinggi bagi sesebuah negara.
45.	Kewibawaan	Kekuasaan atau keupayaan seseorang pemimpin dalam menguasai atau mempengaruhi orang lain.
46.	Kronologi	Susunan peristiwa (kejadian) menurut masa berlakunya peristiwa berkenaan.
47.	Kurun	Jangka waktu 100 tahun atau abad.
48.	Lambang	Tanda mengenal sesuatu.
49.	Laras Bahasa	Penggunaan sesuatu bahasa mengikut bidang (seperti laras sejarah sastera, istana, sains).
50.	Latar Belakang	Cerita asas kepada sesuatu peristiwa.

BIL.	ISTILAH	MAKSUD / MAKNA
51.	Prinsip	Asas atau dasar yang menjadi pokok sesuatu pemikiran.
52.	Lirik	Seni kata lagu.
53.	Lokasi	Tempat letak atau kedudukan.
54.	Maklumat	Keterangan atau butir-butir.
55.	Masyarakat	Sekumpulan manusia yang tinggal di sesuatu tempat.
56.	Melafazkan	Mengucapkan.
57.	Melancarkan	Memulakan atau menggerakkan sesuatu.
58.	Memartabatkan	Mengangkat kedudukan sesuatu pada mata masyarakat.
59.	Mengasas	Memulakan penubuhan sesebuah kerajaan.
60.	Menteri Besar	Ketua Kerajaan Negeri di Negeri-negeri Melayu yang mempunyai Sultan / raja.
61.	Menzahirkan	Menyatakan atau menampakkan.
62.	Mercu Tanda	Lambang atau simbol untuk mengenali sesuatu tempat.
63.	Merdeka	Kebebasan dari pemerintahan penjajah.
64.	Misi	Tugas khusus yang dipertanggungjawabkan oleh seorang atau sesuatu kumpulan.
65.	Muzium	Bangunan tempat menyimpan dan mempamerkan objek-objek yang mempunyai nilai sejarah dan warisan.
66.	Negara	Kawasan di bawah kekuasaan kerajaan tertentu.
67.	Nilai Murni	Perkara yang mengandungi unsur-unsur yang baik.
68.	Parameswara	Raja yang membuka Melaka berasal dari Palembang.
69.	Pedagang	Orang yang menjalankan perniagaan .

BIL.	ISTILAH	MAKSUD / MAKNA
70.	Pemerintah	Kekuasaan yang memerintah (menguasai) sesebuah negeri atau negara.
71.	Penerimaan	Proses mendapatkan sesuatu daripada pihak lain.
72.	Pengaruh	Kuasa seseorang ke atas orang lain.
73.	Pengertian	Fahaman, idea, gagasan, penjelasan.
74.	Penglibatan	Pembabitan atau penyertaan dalam sesuatu perkara.
75.	Pengunjung	Orang yang melawat sesuatu tempat.
76.	Pentadbiran	Pengelolaan dan pengurusan dalam pemerintahan.
77.	Peranan	Pekerjaan atau tugas yang dipegang.
78.	Peristiwa	Sesuatu yang berlaku yang menarik perhatian (menimbulkan kesan) .
79.	Pelantikan	Pengesahan seseorang untuk memegang sesuatu jawatan.
80.	Persahabatan	Perihal berkawan, hubungan sebagai rakan.
81.	Peta	Lukisan yang menunjukkan kedudukan negeri, sungai, gunung dan lain-lain.
82.	Rentetan	Urutan peristiwa.
83.	Riwayat	Cerita turun temurun.
84.	Rukun Negara	Ideologi dan prinsip kebangsaan Malaysia.
85.	Sahabat	Kawan, teman, taulan.
86.	Sambutan	Suatu acara atau majlis bagi merayakan sesuatu.
87.	Sastera Sejarah	Hasil kreatif yang berasaskan sejarah.
88.	Sebab	Perkara yang mengakibatkan sesuatu berlaku.
89.	Simbol Negeri	Lambang atau tanda yang menggambarkan ciri-ciri sesebuah negeri.

BIL.	ISTILAH	MAKSUD / MAKNA
90.	Struktur	Pola sesuatu organisasi masyarakat yang terbentuk daripada pelbagai unsur.
91.	Sultan	Pemerintah di negeri-negeri Melayu kecuali Perlis (Raja) dan Negeri Sembilan (Yang Dipetua Besar).
92.	Susun Lapis	Strata, hierarki, susunan atau kedudukan dalam sesebuah organisasi atau masyarakat.
93.	Syarat	Tuntutan (permintaan) yang mesti dipenuhi, jaminan, janji.
94.	Simbol	Sesuatu yang mewakili sesuatu yang lain, lambang, tanda.
95.	Taat Setia	Sentiasa menurut perintah, berlaku jujur.
96.	Taraf/Darjat	Tingkatan kedudukan dalam masyarakat.
97.	Tempoh	Waktu, masa.
98.	Tingkah Laku	Tabiat yang lazim dilakukan, perangai, perbuatan.
99.	Tokoh	Rupa atau keadaan yang tampak pada zahirnya, bentuk dan sifatnya, macam atau jenis.
100.	Tradisi	Suatu kebiasaan (adat, kepercayaan) yang menjadi amalan turun-temurun
101.	Visi	Wawasan atau berpandangan jauh.
102.	Yang di-Pertuan Agong	Gelaran untuk Ketua Negara Malaysia.
103.	Zaman	Tempoh atau jangka masa tertentu.